

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

YFP 203 - Penerbitan Televisyen I

Masa: [3 jam]

Bahagian A:

1. Jawab SEMUA soalan: 30 markah

a. Arahan : Satu sedutan rancangan hiburan muzik akan ditayangkan selama lebih kurang 10 minit. Pelajar-pelajar dikehendaki menonton dan menjawab soalan 1 selama 20 minit.

Soalannya: Berjayakah penggunaan teknik kamera, pencahayaan dan hiasan pentas menyokong mewujudkan mood dan emosi penonton dalam rancangan muzikal ini?

(15 markah)

b. Arahan : Satu sedutan rancangan bercorak temuramah akan ditayangkan selama 10 minit. Pelajar dikehendaki menonton dan menjawab soalan 2 selama 20 minit.

Soalannya: Bincangkan keberkesanan peranan visual yang dimanupulasikan oleh kamera untuk memperkenalkan tetamu-tetamu dalam rancangan ini.

(15 markah)

...2/-

Bahagian B:

Jawab **SEMUA** soalan: 40 markah

- a. Jelaskan dengan ringkas apa yang dimaksudkan dengan istilah berikut:

- i. "Fade"
- ii. "Zoom"
- iii. "Dolly"
- iv. "Pan"
- v. "Close up"

(15 markah)

- b. Jelaskan teknik pencahayaan aturan pertiga (basic three lighting technique) dengan memberi penekanan kepada fungsinya. Gunakan rajah bagi membantu anda.

(10 markah)

- c. Setiap program televisyen diterbitkan untuk segolongan penonton yang khusus. Terangkan siapakah menonton sasar dan bagaimana ragam mereka mempengaruhi gaya, arah dan mutu penerbitan: (a) Rancangan hiburan muzikal atau (b) Rancangan berbentuk temuramah? (Pilih salah satu)


(15 markah)

...3/-

Bahagian C: Jawab **SATU** soalan sahaja: 15 markah

SAMA ADA

- a. (i) Penerbitan wawancara TV, sudut kamera selalu bersilang seperti gambarajah di bawah. Berikan hujah anda kenapa ia demikian.




- (ii) Pengacara dan tetamu biasanya duduk berdekatan di antara 2 kaki hingga 3 kaki. Ya atau tidak, terangkan.

(15 markah)



ATAU

(b)

tetamu 1



tetamu 2



pengacara

kamera 1



kamera 2



Berpandukan kepada "floor plan" di atas buatkan secara ringkas satu skrip penggambaran penerbitan televisyen anda.

(15 markah)

Bahagian D: Jawab SATU soalan sahaja. (15 markah)

SAMA ADA

- a. Biasanya syot memberi pendekatan visual yang berbeza. Katakan anda sedang menulis skrip penggambaran rancangan muzikal, ceritakan jenis-jenis syot yang akan anda gunakan dan bincangkan kenapa anda memilih menggunakan syot-syot tersebut.

(15 markah)

ATAU

- b. Umumnya anda gunakan "cut" kerana menukar visual. Di dalam menerbitkan program muzikal agar dapat mewujudkan satu kombinasi visual dan suara yang mengusik emosi dan melahirkan suatu 'mood' kepada penonton. Sila bincangkan bagaimana kaedah-kaedah ini dapat membantu anda:

- i. "Fast Cut"
- ii. "Dissolve"
- iii. "Super impose"

(15 markah)

-0000000-